

5hb. Me, 1980

Semua Yang Di Pertua,
Semua Penolong Kanan Pentadbir,
Semua Majistret,
Semua Pendaftar Mahkamah Sesyen.
Dato'/Tuan,

Pekeliling Pendaftar (A) Bil.8/1980

Penggunaan Bekalan Letrik
di Mahkamah-Mahkamah dan
Ruangan-Ruangan Pejabat.

Saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa sering terdapa penggunaan bekalan letrik di Mahkamah-Mahkamah di ruangan-ruangan pejabat membazir iaitu pesawat-pesawat hawa dingin yang dibekalkan dan lampu-lampu sama ada dalam Mahkamah-Mahkamah atau diruangan-ruangan pejabat atau bilik-bilik pegawai selalu ditinggalkan terpasang manakala tempat-tempat berkenaan itu tidak digunakan. Keadaan sedemikian adalah membazirkan dan tidak boleh dibiarkan telah terdapat perbelanjaan yang tinggi digunakan untuk membayar bekalan letrik.

2. Oleh yang demikian, mulai daripada tarikh diterima arahan ini Dato'/Tuan adalah dipinta memastikan supaya semua pegawai dan kakitangan

dibawah jagaan Dato'/Tuan memberi kerjasama dengan memadamkan bekalan letrik kepada pesawat letrik yang ada di pejabat/ Mahkamah apabila kegunaannya tidak diperlukan seperti lepas bicara/waktu makan/waktu meninggalkan pejabat di-sebelah petang.

Demikian harap mendapat kerjasama.

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(ABDUL HAMID BIN HAJI MOHAMED)

Pemangku

KETUA PENDAFTAR

s.k.

Ketua Pegawai Pentadbir

Pegawai Pentadbiir

Pegawai Pembangunan

Pegawai Kerja

Semua Kerani Besar

Semua Setiausaha Kepada Hakim.

* Sila lihat di atas dan patuhi arahan itu.